



**BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN
PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK
PENJUALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN
JANUARI 2021**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

1. NAMA/JENIS PELESENAN

- (i) Lesen Penjualan Racun Makhluk Perosak (J);
- (ii) Lesen Penyimpanan Racun Makhluk Perosak (S); dan
- (iii) Lesen Penyimpanan Untuk Penjualan Racun Makhluk Perosak (SJ).

2. NAMA AGENSI/ PIHAK BERKUASA MELESEN

Bahagian Kawalan Racun Makhluk Perosak Dan Baja (BKRPB), Jabatan Pertanian Malaysia.

3. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PERLESENAN

- (i) Akta Racun Makhluk Perosak 1974; dan
- (ii) Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan Dan Penyimpanan Untuk Penjualan) 2007.

4. OBJEKTIF PERLESENAN

- (i) Memastikan semua premis menjual/menyimpan untuk penjualan racun makhluk perosak dilesenkan;
- (ii) Memastikan hanya racun makhluk perosak berdaftar dijual; dan
- (iii) Memastikan racun makhluk perosak di premis dikendalikan secara betul dan selamat.

5. KETERANGAN PERLESENAN/ APA YANG DILESEN

Premis yang menjual racun makhluk perosak yang bahan aktifnya terkandung dalam Jadual 1, Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

6. SIAPA YANG BOLEH MOHON/ KELAYAKAN PEMOHON

Pemilik premis yang menjual, menyimpan racun makhluk perosak untuk tujuan jualan.

7. BILA PERLU DIPOHON

Sebelum urusan penjualan racun makhluk perosak dijalankan.

8. BAGAIMANA CARA NAK MOHON/KAEDAH PERMOHONAN (DALAM TALIAN@MANUAL)

JENIS PERKHIDMATAN	KETERANGAN
Perkhidmatan Dalam Talian	<p>TIADA</p> <p>(Borang permohonan boleh didapati dan dimuat turun melalui laman sesawang http://www.doa.gov.my).</p> <p>PAUTAN BORANG</p> <p>LESEN BAHARU/MEMPERBAHARUI LRMP-L1A (PIN. 01/2014) BORANG A (KAEDAH 4)</p> <p>http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/muat_turun/borang_a_kaedah_4_lesen_jual_simpan_rmp_untuk_dijual.pdf</p>
Secara Manual	Pemohon perlu mengisi Borang A bagi permohonan baharu/memperbarui lesen. Borang yang lengkap diisi berserta salinan dokumen dan bayaran dikemukakan ke pejabat BKRPB di negeri masing-masing mengikut alamat lokasi premis didaftarkan.

9. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMROSESAN DALAM HARI/JAM/MINIT)

Tempoh proses permohonan adalah 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lesen direrima dengan syarat dokumen adalah lengkap.



10. SYARAT-SYARAT SEBELUM & SELEPAS PERMOHONAN LESEN

10.1 Syarat semasa mengemukakan borang permohonan adalah seperti jadual berikut:

BIL	SYARAT SEMASA MENGEMUKAKAN BORANG PERMOHONAN	CATATAN
1.	Mengisi Borang Permohonan Lesen Baharu/Memperbaharui LRMP-L1A (PIN. 01/2014) Borang A (Kaedah 4) dengan lengkap dan bertaip.	
2.	Sila sertakan juga salinan maklumat tambahan bersekali dengan borang permohonan seperti berikut:	
2.1	Pelan lakar premis menjual dan menyimpan untuk dijual mengikut format LRMP-L2 (format disertakan bersekali dengan borang permohonan)	
	<p><u>Syarikat Milikan Tunggal Atau Pengkongsian (Enterprise)</u></p> <p>(i) Perakuan Pendaftaran, Kaedah 13 Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (Sijil Pendaftaran Perniagaan [Borang D] atau Sijil Perakuan Pembaharuan Perniagaan [Borang E] yang disahkan melalui salinan diperakukan sah secara digital bagi sijil perniagaan melalui Portal SSM ez-Biz;</p>	Bagi perkara (i) dan (ii) berkuatkuasa di semua Negeri kecuali di Sabah dan Serawak menggunakan kaedah pendaftaran perniagaan masing-masing.


BIL	SYARAT SEMASA MENGEMUKAKAN BORANG PERMOHONAN	CATATAN
2.2	(ii) Menyediakan Salinan Diperakukan Sah Mengenai Maklumat, Jenis Perniagaan, Maklumat Cawangan dan Maklumat Pemilik Perniagaan Terkini melalui Portal SSM ez-Biz. (iii) Salinan kad pengenalan pemohon; sekiranya pemohonan bukan pemilik syarikat sila sertakan surat kebenaran mewakili syarikat (<i>authorized letter</i>).	
2.3	Syarikat Sdn. Bhd & Lain-Lain (i) Profil Korporat syarikat berkaitan Maklumat Syarikat dan Maklumat Pengarah dan Pegawai (Borang 49) serta Maklumat Pemegang Syer (Borang 24) yang disahkan oleh <i>secretary company</i> ; atau melalui Salinan Diperakukan Sah Secara Digital Bagi Sijil Perniagaan melalui Sistem MyData dan e-Info SSM; (ii) Sijil pemerbadanan syarikat persendirian (Borang 9, Akta Syarikat 1965) yang disahkan oleh <i>secretary company</i> atau melalui Portal SSM e-Info dan Portal MyData; (iii) Surat pelantikan kebenaran mewakili syarikat (<i>authorized letter</i>)	Bagi perkara (i) dan (ii) dan (iii) berkuatkuasa di semua Negeri kecuali di Sabah dan Serawak yang menggunakan kaedah pendaftaran peniagaan masing-masing.
2.4	Menyediakan Salinan Perakuan Pendaftaran, Subperaturan 7(2) Dan 15(2), Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983	Tambahan dokumen permohonan dari Petubuhan Peladang
2.5	Menyediakan Salinan Perakuan Pendaftaran Di Bawah Akta Koperasi 1993	Tambahan dokumen permohonan dari Koperasi
2.6	Menyediakan Salinan Perakuan Pengamalan Tahunan, Akta Doktor Veterinar 1974	Bagi permohonan premis yang menjual produk Racun veterinar
3.	Menyediakan Salinan Lesen Perniagaan Yang Dikeluarkan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Di Bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976	
4.	Menyediakan Salinan Sijil Kursus Asas Dalam Penjualan /Penyimpanan Racun MakhluK Perosak Yang Dianjurkan Oleh Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian Malaysia.	

- 10.2 Syarat selepas permohonan diterima bagi tujuan pemeriksaan dan auditan adalah seperti di Jadual di bawah:

BIL	SYARAT SELEPAS BORANG PERMOHONAN DITERIMA
1.	Racun makhluk perosak hendaklah dipamer atau disimpan di tempat yang diluluskan mengikut pelan lakar. Pelan lakar hendaklah dipamerkan di premis.
2.	Menyediakan papantanda:
2.1	<p>“RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN” hendaklah dipamerkan di bahagian yang mudah dilihat bagi lesen Penjualan (J) dan Penyimpanan untuk penjualan (SJ).</p> <div data-bbox="619 645 1177 853" style="border: 2px solid red; padding: 10px; text-align: center;"> <p>RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN</p> </div> <p>Saiz Minimum: 18 inci x 8 inci</p>
2.2	<p>“BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK” dengan piktogram tengkorak dengan tulang bersilang hendaklah dipamerkan dengan jelas di setiap 3 meter rak pameran racun makhluk perosak bagi lesen Penyimpanan (S) dan Penyimpanan tujuan penjualan (SJ) sahaja.</p> <div data-bbox="531 1055 1206 1227" style="border: 2px solid red; padding: 10px; text-align: center;">  <p>BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK</p> </div> <p>SAIZ MINIMUM: 20 INCI X 4 INCI TENGKORAK 3 INCI X 2.5 INCI</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ HURUF BESAR, 3 CM TINGGI, WARNA MERAH TUA ✓ TULISAN JENIS “ARIAL BOLD” ✓ PIKTOGRAM TENGKORAK: 7 CM TINGGI, WARNA HITAM ✓ PLASTIK PERSPEK PUTIH
2.3	<p>“AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK – DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK” SERTA SIMBOL TENGKORAK TULANG BERSILANG HENDAKLAH DIPAMERKAN DENGAN JELAS DI SETIAP PINTU STOR bagi lesen Penyimpanan (S) dan Penyimpanan untuk penjualan (SJ) sahaja.</p> <div data-bbox="456 1630 1222 1861" style="border: 2px solid red; padding: 10px; text-align: center;">  <p>AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK – DILARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK</p> </div>

11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (TERMASUK CARTA ALIR (FLOW CHART))

PROSES KERJA



**12. SENARAI SEMAK KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN
(CHECK LIST) SEMASA PERMOHONAN**

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN	PEMOHON	PEGAWAI PENERIMA
		**TANDA YANG MANA BERKAITAN SAHAJA (/)	
1.	BORANG A YANG TELAH LENGKAP DIISI DAN DITAIP	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	BANK DRAF/ KIRIMAN WANG ATAS NAMA KETUA PENGARAH PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA MENGIKUT KADAR FI BAYARAN	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	PELAN LAKAR PREMIS MENJUAL DAN MENYIMPAN UNTUK DIJUAL	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN, KAEDAH 13 KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1957. **(Sijil Pendaftaran Perniagaan [Borang D] atau Sijil Perakuan Pembaharuan Perniagaan [Borang E] **Bagi syarikat milikan tunggal dan perkongsian (<i>enterprise</i>) sahaja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	(i) SALINAN MENGENAI MAKLUMAT, JENIS PERNIAGAAN, MAKLUMAT CAWANGAN DAN MAKLUMAT PEMILIK PERNIAGAAN TERKINI **Bagi syarikat milikan tunggal dan perkongsian (<i>enterprise</i>) sahaja. (ii)SALINAN PROFIL KORPORAT SYARIKAT BERKAITAN MAKLUMAT SYARIKAT DAN MAKLUMAT PENGARAH DAN PEGAWAI (BORANG 49) SERTA MAKLUMAT PEMEGANG SYER (BORANG 24) ** Bagi syarikat Sdn. Bhd & lain-lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	SALINAN SIJIL PEMERBADANAN SYARIKAT PERSENDIRIAN (BORANG 9, AKTA SYARIKAT 1965) ** Bagi syarikat Sdn. Bhd & lain-lain sahaja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN, SUBPERATURAN 7(2) DAN 15(2),PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN PELADANG 1983 **Bagi Pertubuhan Peladang sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA KOPERASI 1993 **Bagi koperasi sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	SALINAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN, AKTA DOKTOR VETERINAR 1974 ** Bagi premis yang menjual produk racun kegunaan veterinar sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	SALINAN LESEN PERNIAGAAN YG DIKELUARKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	SALINAN SIJIL KURSUS ASAS DALAM PENJUALAN /PENYIMPANAN RACUN MAKHLUK PEROSAK YANG DIANJURKAN OLEH BKRPB, JABATAN PERTANIAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	SURAT KEBENARAN/PELANTIKAN WAKIL SYARIKAT **Sekiranya pemohon bukan pemilik/lembaga pengarah syarikat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

** **Nota:** Sila cetak borang ini semasa mengemukakan permohonan lesen baharu kepada BRKPB, Jabatan Pertanian.

13. SENARAI PEMBAYARAN/MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

BIL	LESEN MENGIKUT KELAS RACUN	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1.	Kelas Ia, Ib, II, III, IV	750	Kiriman Wang Atau Bank Deraf Sahaja
2.	Kelas Ia, Ib	500	Kiriman Wang Atau Bank Deraf Sahaja
3.	Kelas II, III, IV	250	Kiriman Wang Atau Bank Deraf Sahaja

***Pembayaran secara tunai dan wang pos tidak diterima

14. TEMPOH SAH LAKU LESEN

Tiga (3) tahun dari tarikh permohonan diluluskan.

15. MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

OUTPUT	(i) Temujanji pemeriksaan ke premis (LRMP-L5A) (ii) Keputusan Permohonan (LRMP L7) (iii) Kelulusan Permohonan Menjual (LRMP –L8A) (iv) Surat Akuan Penerimaan Lesen Menjual RMP (LRMP-8B)
KAEDAH PENYAMPAIAN KEPUTUSAN KEPADA PEMOHON	Melalui panggilan telefon dan penghantaran secara pos kepada pemohon

16. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/ PINDAAN/ PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)

Sebarang pindaan dan pembatalan pada lesen, pemohon perlu membuat permohonan baharu

17. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- (i) Akta Racun Makhluk Perosak 1974; dan
- (ii) Kaedah-Kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan Dan Penyimpanan Untuk Penjualan) 2007.

18. SEBARANG PERTANYAAN LANJUT SILA HUBUNGI:

Seksyen Pelesenan
Bahagian Kawalan Racun Perosak / (*Pesticide Control Division*)
Tingkat 4-6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
No. Telefon: 03-2030 1500

Nama Pegawai Penyelaras:

Encik Syed Ab Hakim bin Syed Majid (03-2030 1458)
Encik Mohd Fadzil bin Muhamad Salleh (03-2030 1468)
Encik Nazhari bin Shamsuddin (03-2030 1469)